



SIARAN AKHBAR

ORANG RAMAI DINASIHATKAN UNTUK BERHATI-HATI DENGAN PENIPUAN '*PHISHING*'

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) ingin menasihatkan orang ramai untuk berhati-hati dengan mana-mana e-mel yang memohon maklumat sensitif berkaitan dengan akaun bank awda.
2. AMBD telah mendapati bahawa percubaan penipuan '*phishing*' yang disasarkan kepada orang ramai semakin meningkat. Penipuan tersebut melibatkan e-mel yang seolah-olah dihantar oleh bank, meminta pelanggan-pelanggan untuk meneliti atau mengemaskini maklumat peribadi, termasuk maklumat akaun bank, nama pengguna dan kata laluan bagi akaun *online banking*. Sebahagian daripada e-mel yang diterima juga memuatkan pautan URL atau lampiran, seperti dokumen PDF atau *Word* yang membawa pelanggan ke laman web yang palsu. Pelanggan yang menerima e-mel sedemikian dinasihatkan untuk tidak mengikuti arahan-arahan tersebut dan hendaklah melaporkan perkara ini kepada bank yang berkenaan dengan serta-merta.
3. AMBD juga ingin menasihatkan orang ramai untuk mengenalpasti ciri-ciri penipuan '*phishing*' untuk mengelakkan daripada menjadi mangsa penipuan tersebut. Orang ramai juga diingatkan untuk berhati-hati dan membuat pengesahan dengan bank jika menerima e-mel yang mencurigakan daripada bank.
4. Bagi maklumat lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi AMBD melalui talian 2388388, e-mel info@ambd.gov.bn, muat turun AMBD App daripada 'AppStore' dan 'Google Playstore'; atau melayari laman sesawang AMBD di <http://www.ambd.gov.bn>; atau dengan mengikuti AMBD di Instagram melalui [@autoriti_monetari](https://www.instagram.com/autoriti_monetari).

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh: 29 Sya'ban 1439H/ 15 Mei 2018

Rujukan: AMBD/COMMS/3